

E1-1 GROUP BUSINESS DIGITALISATION PROGRAMME



Rencana ini adalah perkongsian mengenai inisiatif-inisiatif menerusi Pelan Strategik KOPETRO 2021-2025 atau KOPETRO Strategic Plan 2021-2025 (SP25) untuk merealisasikan lima sasaran utama menjelang tahun 2025. Segala langkah proaktif telah dan sedang dilaksanakan agar lima sasaran utama KOPETRO menerusi SP25 dapat direalisasikan dengan jayanya.

Initiative E1-1: *Group Business Digitalisation Program* atau E1-1: Program Pendigitalan Perniagaan Berkumpulan juga merupakan salah satu (1) daripada dua puluh lima (25) inisiatif. Sehingga bulan Julai 2023, inisiatif ini telah mencatatkan Indeks Prestasi Jadual (SPI) 0.91 manakala Indeks Prestasi Jadual (SPI) bagi keseluruhan inisiatif sehingga Julai 2023 adalah 0.90.

Inisiatif ini di ketuai oleh Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi (*Information & Communication Technology Division, ICT*) dengan berpaksikan objektif khusus untuk memaksimumkan perkembangan teknologi digital melalui peningkatan dalam kecekapan produktiviti dan daya saing KOPETRO secara keseluruhannya.

Antara langkah yang telah diambil adalah menentukan halatuju pendigitalan yang jelas untuk keseluruhan KOPETRO melalui pelan strategik pendigitalan, menganalisis jurang perbezaan data ICT, merangka perincian digital dan seterusnya memperkenalkan kepada pihak pengurusan.

Seyogya, Program Pendigitalan Perniagaan Berkumpulan amat penting dalam memastikan kecekapan produktiviti dan daya saing KOPETRO membangun dengan lebih pesat. Justeru itu, bagi menjamin inisiatif ini membawa impak yang positif di KOPETRO, sokongan padu pelbagai pihak seperti

pengurusan atas, kakitangan KOPETRO, pelanggan dan lain-lain adalah penting agar segala hasil titik peluh untuk membangunkan inisiatif ini memberi manfaat kepada semua.

Seyogia : Semestinya

Rujukan : <https://prpm.dbp.gov.my/cari1?keyword=seyogia>



The purpose of this article is to share the initiatives in the KOPETRO Strategic Plan 2021-2025 (SP25) to achieve five key goals by 2025. Proactive steps are being implemented to ensure those key goals can be achieved successfully.

One (1) of the twenty-five (25) initiatives is Initiative E1-1: Group Business Digitalisation Programme which was achieve of 0.91 on Schedule Performance Index (SPI) in July 2023. As of July 2023, the overall SPI of the SP25 initiative is 90% or 0.90.

The objective of this initiative is to maximize the development of digital technology through an increase in the productivity efficiency and competitiveness of KOPETRO as a whole.

There are several steps that have been introduced by Information & Communication Technology Division, ICT to ensure the E1-1 initiative a success. Among them is a clear digitization direction for the KOPETRO group through a digitalization assessment, gaps analysis, drawing up digital blueprint and introducing them to the management.

Indeed, the Group Business Digitization Program is very important in ensuring KOPETRO's productivity efficiency and competitiveness develop more rapidly. Therefore, to ensure that this initiative has a positive impact at KOPETRO, the solid support of a diversity of parties such as top management, KOPETRO staff, customers and others is important so that all the hard work to develop this initiative benefits everyone.